

ENCARDIL TABLET

Enalapril maleate (5mg and 10mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Encardil Tablet
2. Bagaimana Encardil Berfungsi
3. Sebelum mengambil Encardil Tablet
4. Cara menggunakan Encardil Tablet
5. Semasa menggunakan Encardil Tablet
6. Kesan sampingan
7. Cara Penyimpanan dan Pelupusan Encardil Tablet
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh Kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Encardil Tablet

- Rawatan hipertensi (tekanan darah tinggi).
- Rawatan kegagalan jantung kongestif.
- Pencegahan kegagalan jantung .
- Pencegahan masalah jantung pada pesakit dengan disfungsi ventrikel kiri jantung.

Bagaimana Encardil Berfungsi

Encardil tergolong dalam kumpulan ubat-ubatan yang dikenali sebagai perencat *angiotensin-converting enzyme* (ACE).

Ia mengendurkan saluran darah dan membesarkan saluran untuk aliran darah yang lebih mudah.

Ini akan membantu menurunkan tekanan darah, mengurangkan tekanan arteri dan boleh mengelak kerosakan jantung serta buah pinggang.

Sebelum mengambil Encardil Tablet

Bila tidak boleh mengambil

- Jika anda hipersensitif kepada mana-mana komponen produk ini, atau mana-mana perencat ACE lain .
- Pesakit yang mempunyai sejarah Angio-neurotik edema (kebengkakan pada kulit) yang berkaitan dengan terapi ACE atau dengan angioedema keturunan atau angioedema idiopatik (tanda bengkak yang sebabnya tidak diketahui).

Sebelum mula mengambil

- Tidak boleh diambil oleh ibu mengandung. Encardil harus segera dihentikan sebaik sahaja kehamilan dikesan.
- Jangan ambil makanan tambahan yang mengandungi kalium atau makanan tambahan yang mengandungi garam dan kalium jika anda mengambil enalapril maleate.

Jika mengambil ubat-ubat lain

- Alkohol atau Diuretik atau ubat hipotensi (ubat menurunkan tekanan darah) yang lain-penggunaan serentak dengan perencat ACE boleh menyebabkan kesan hipotensif.

Indomethacin, Cyclosporine atau *Diuretics, potassium-sparing* atau *Low-salt milk* atau *Potassium-containing medications* atau *Potassium supplements* atau *substances containing high concentrations of potassium* atau *salt substitutes*- penggunaan serentak tidak digalakkan.

- Agen depresi sum-sum tulang-penggunaan serentak tidak digalakkan.
- *Estrogens, Lithium, Sympathomimetics*- penggunaan serentak tidak digalakkan.

Cara menggunakan Encardil Tablet

Berapa banyak harus diambil

Penyerapan Encardil Tablet tidak dijejaskan oleh makanan, oleh yang demikian Encardil Tablet boleh diambil sebelum, semasa atau selepas makan.

Hipertensi : Dos permulaan adalah 5 hingga 20 mg, bergantung kepada tahap tekanan darah tinggi, diambil sekali sehari.

Dos permulaan 5 mg enalapril maleate harian boleh diberikan sekiranya anda mempunyai fungsi buah pinggang biasa dan tidak menerima diuretik (*water pills*).

Dalam hipertensi ringan, dos permulaan yang disyorkan adalah 10 mg setiap hari. Untuk tahap hipertensi yang lain, dos permulaan ialah 20 mg setiap hari.

Dos penyenggaraan biasa ialah 10 - 20 mg, diambil sekali sehari. Dos maksimum harian yang disarankan ialah 40mg.

Hipertensi *renovascular* (penyempitan saluran arteri yang mengalirkan darah ke buah pinggang):

Dos permulaan adalah lebih rendah. Contohnya 5mg atau kurang.

Bila perlu diambil

Pil boleh diambil sebelum, semasa atau selepas makan, bergantung kepada tahap tekanan darah tinggi.

Ini hanya cadangan, bagi dos sebenar sila sentiasa merujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda.

Berapa lama perlu diambil

Ikut nasihat doktor.

Jika anda terlupa mengambil

Ambil dos yang tertinggal dengan segera. Jika hampir dengan dos seterusnya, tinggalkan dos yang tertinggal dan teruskan dengan dos berikutnya. Jangan ambil lebih daripada dos yang dibenarkan.

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Tekanan darah rendah dan *stupor* (keadaan tahap kesedaran yang rendah)

Dapatkan bantuan perubatan secepat mungkin jika masalah di atas diperhatikan.

Semasa menggunakan Encardil Tablet

Perkara yang perlu dilakukan

- Patuhi arahan pengambilan ubat dari doktor.
- Beritahu doktor, doktor gigi dan ahli farmasi, yang anda mengambil Encardil Tablet.
- Beritahu doktor dengan segera jika anda hamil semasa mengambil Encardil.

ENCARDIL TABLET

Enalapril maleate (5mg and 10mg)

Perkara yang tidak perlu dilakukan

- Jangan berhenti mengambil ubat tanpa nasihat doktor.
- Jangan memberikan ubat anda kepada orang lain yang mengalami masalah yang sama.

Perkara yang perlu diberi perhatian

- Hipotensi simptomatik:
Keadaan ini lebih berkemungkinan berlaku pada mereka yang mempunyai tahap kegagalan jantung yang serius.
- Masalah buah pinggang-
Dikalangan sesetengah pesakit, tekanan darah rendah berikutan permulaan rawatan dengan perencat ACE mungkin akan menjejaskan lagi fungsi buah pinggang.
- Hipersensitiviti / Edema Angioneurotik-
Adakalanya berlaku *edema* (bengkak disebabkan oleh bendalir dalam tisu-tisu badan anda),kebengkakan berulang di muka, kaki, bibir, lidah, peti suara dan / atau larinks telah dilaporkan pada pesakit yang dirawat dengan perencat ACE.
- Hemodialisis-
Tindak balas anafilaktoid telah dilaporkan pada pesakit yang menjalani dialisis dengan membran *high-flux* (misalnya, AN69) dan dirawat bersama perencat ACE.
- Pembedahan / Anestesia-
Pesakit yang menjalani pembedahan atau semasa anestesia dengan ejen-ejen yang menghasilkan tekanan darah rendah, enalapril akan menghalang pembentukan *angiotensin II* sebelum pelepasan renin.
- *Cross-sensitivity* dan / atau masalah berkaitan-
Pesakit sensitif kepada satu perencat ACE juga boleh menjadi sensitif kepada yang lain.

- Mengandung-
Tidak digalakkan untuk wanita hamil. Perencat ACE perlu dihentikan secepat mungkin apabila kehamilan dikesan.
- Semasa menyusu-
Langkah berjaga-jaga harus diambil jika encardil diberikan kepada ibu yang menyusu.
- Pediatrik-
Kajian mengenai kesan perencat ACE belum pernah dilakukan terhadap kanak-kanak.
- Geriatrik-
Aktiviti renin plasma akan menurun dengan usia yang semakin meningkat, warga tua mungkin kurang sensitif kepada kesan-kesan hipotensif perencat ACE.

Kesan-kesan Sampingan

Pening dan sakit kepala, loya, cirit-birit, kekejangan otot, ruam dan batuk.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers → Reporting*).

Cara Penyimpanan dan Pelupusan

Penyimpanan

Simpan pil pada suhu kurang daripada 25°C. Jauhkan daripada suhu panas, cahaya dan kelembapan serta JAUHKAN DARIPADA KANAK-KANAK.

Pelupusan

Ubat tidak boleh dilupuskan melalui air bungan atau buangan isirumah. Langkah-langkah ini akan membantu melindungi persekitaran.

Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi.

Maklumat lanjut

Rupa/bentuk

5 mg: Pil putih, bulat, rata, serong, dengan garis putus pada satu permukaan.

10 mg: Pil putih, berbentuk segitiga, dwicembung dan ada tulisan timbul 'SM' pada satu permukaan.

Bahan-bahan Kandungan

Bahan aktif: Setiap tablet mengandungi enalapril maleate 5 mg atau 10 mg.

Bahan tidak aktif yang digunakan ialah *cross carmellose sodium lactose, Aerosil, Malic Acid, Microcrystalline Cellulose, Zinc Stearate* serta untuk 10 mg *Corn starch* juga digunakan.

No. MAL:

5mg MAL 20040569A

10mg MAL 20040570A

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

SM PHARMACEUTICALS

SDN.BHD(218628-M)

Lot 88, Sungai Petani Industrial Estate
08000, Sungai Petani

Kedah Darul Aman, Malaysia.

Tarikh Kemaskini RiMUP: 27.10.2014

Nombor siri:

BPFK(R4/1)241014/00036